

U B02B DEB  
**MAHATHIR - MANIFESTO**

RAUB, 29 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS PAS DAN DAP KERANA MENGELUARKAN MANIFESTO-MANIFESTO YANG BERCANGGAH DENGAN PERLEMBAGAAN PARTI MASING-MASING SEMATA-MATA UNTUK MEMANCING UNDI PADA PILIHAN RAYA UMUM Hujung Minggu ini.

PAS, KATANYA, MENCUBA Mencari undi bukan Melayu dengan mengeneipkan prinsip-prinsip perjuangannya yang asal manakala DAP lebih cenderung kepada isu-isu perkauman walaupun ia mendakwa sebagai parti berbilang kaum.

Ketika melancarkan pelaksanaan projek perumahan kos rendah secara penswastaaan di Bukit Koman dekat sini, Perdana Menteri berkata manifesto-manifesto kedua-dua parti lawan itu hanya mencuba membangkitkan kebencian rakyat terhadap kerajaan dan tidak membawa perkara-perkara yang boleh mendatangkan manfaat dan faedah kepada rakyat.

Kata beliau PAS dalam manifestonya membangkitkan perkara keadilan, keamanan dan kesejahteraan tetapi tindak-tanduknya selama ini menunjukkan percanggahan kerana ia sering bertindak memecah-belahkan dan mengasingkan rakyat terutama masyarakat Islam.

Peristiwa memali pada tahun lepas berpunca daripada sikap PAS yang mengasingkan penduduk kampung antara penyokong kerajaan dan parti itu dan antara penduduk memali dengan kampung sekitarnya mengakibatkan mereka sanggup melakukan pembunuhan. -- LAGI.

1421MST 29 07 86

U B021 DEB

**MAHATHIR- MANIFESTO 2 RAUB**

Perdana Menteri berkata sebelum PAS datang ke memali, penduduk di situ berkerjasama dan bersatu padu tetapi sejak kemasukan PAS, maka peristiwa-peristiwa yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti mengkafir, sembahyang dua imam, pengkebumian di kubur yang berlainan menjadi perkara yang biasa.

Mengenai DAP pula, Datuk Seri Dr Mahathir berkata demokrasi dalam DAP hanyalah demokrasi ala Lim Kit Siang iaitu hanya suaranya sahaja boleh didengar atau diikuti.

Beliau menyeru pengerusi DAP Dr Chen Man Hin dan Timbalan Setiausaha Agung Parti Encik Lee Lam Thye supaya bertindak segera memastikan kebebasan wujud dalam parti itu dan mereka tidak menjadi alat kepada sikap diktator Encik Lim.

Katanya Encik Lee merupakan pemimpin yang lebih baik daripada Encik Lim kerana sikapnya bertoleransi dan sanggup bertolak ansur dengan kerajaan.

Perdana Menteri juga membidas seorang lagi pemimpin DAP Encik Karpal Singh. -- LAGI.

1423MST 29 07 86

U 8024 DEB

**MAHATHIR- MANIFESTO 3 RAUB**

BELIAU MENGINGATKAN PARA ANGGOTA DAP AKAN SIKAP ENCIK LIM YANG KINI TELAH MELETAKKAN ANAK LELAKINYA ENCIK LIM GUAN ENG BERTANDING DI KOTA MELAKA YANG PADA SATU HARI NANTI AKAN MELANJUTKAN DINASTI ENCIK LIM KIT SIANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEWUJUDAN BARISAN PEMBANGKANG TAJAAN PAS KINI HAMPİR BERPECAH KERANA PARTI-PARTI ANGGOTANYA TIDAK MEMPUNYAI PERSEFAHAMAN, KEJUJURAN DAN KERJASAMA, SEBALIKNYA MENCUBA MENIPU SATU SAMA LAIN SEMASA PILIHAN RAYA UMUM INI.

SEBALIKNYA BARISAN NASIONAL YANG MEWAKILI SEMUA KAUM DI SELURUH NEGARA TELAH MENJALIN KERJASAMA YANG ERAT BUKAN SAHAJA SEMASA PILIHAN RAYA MALAH SEPANJANG MASA UNTUK BERKHIDMAT DENGAN JUJUR DAN IKHLAS KEPADA RAKYAT.

PERDANA MENTERI BERKATA BARISAN NASIONAL DAN PERIKATAN DAHULU TELAH DATAP MEWUJUDKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN NEGARA KERANA KEBIJAKSANAAN DAN KEWIBAWAAN PUCUK PIMPINANNYA YANG BERPANDANGAN JAUH SERTA SEDAR BAHAWA KERJASAMA ANTARA KAUM SAHAJA DATAP MELAHIRKAN BANGSA YANG BERSATU PADU. -- LAGI  
1438MST 29 07 86

U 8025 DEB

**MAHATHIR- MANIFESTO 4 RAUB**

MENGENAI PEMBANGUNAN, PERDANA MENTERI BERKATA PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH BUKIT KOMAN INI HANYALAH SATU DARIPADA BERATUS-RATUS LAGI YANG AKAN DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN BARISAN NASIONAL DI SELURUH NEGARA.

KATANYA KERAJAAN MEMANG MENGAMBIL BERAT AKAN MASALAH PERUMAHAN TERUTAMA BAGI MASYARAKAT BERPENDAPATAN RENDAH DAN KERANA ITU KERAJAAN AKAN MELAKSANAKAN PROJEK KHAS MEMBINA 80,000 UNIT RUMAH KOS RENDAH DALAM TEMPOH TIGA TAHUN AKAN DATANG.

PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH DI BUKIT KOMAN DI SINI MELIBATKAN PEMBINAAN 602 UNIT RUMAH BERBAGAI-BAGAI JENIS DENGAN MENELAN PERBELANJAAN KIRA-KIRA \$14 JUTA.

HARGA RUMAH DI SITU IALAH SERENDAH-SERENDAHNYA \$19,900 SEUNIT DAN YANG PALING MAHAL \$70,000 SEUNIT.

PROJEK INI DIJANGKA SIAP AKHIR 1988. -- BERNAMA  
1442MST 29 07 86

U 8026 BAH